

Potensi mempelam

■ **Jana pendapatan tinggi jika dibangun dengan lebih rancak**

Oleh **Nur Syazwana Mansor**
am@mediaprima.com.my

Pendang

Selain tanaman padi, buah mempelam kini dikenal pasti sebagai produk pertanian kedua terbesar di negeri ini sekali gus mampu membantu menjana pendapatan tinggi kepada golongan petani.

Pengarah Bahagian Industri Asas Tani dan Bukan Padi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Zulkifli Romli berkata, pihaknya menyedari tanaman mempelam mempunyai potensi pasaran tinggi sekiranya aktiviti penanaman dibangunkan dengan lebih rancak.

Menurutnya, berikutan itu, penyelidikan secara serius dalam bidang penanaman mempelam dilakukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan objektif untuk menghasil-

kan buah berkualiti tinggi.

“Pihak kami sedar bahawa kebanyakan peladang tanaman mempelam menghadapi masalah kekurangan teknologi penanaman serta masalah pemasaran.

“Berikutan itu, selain membantu aspek latihan dan khidmat nasihat, pihak kami juga membantu peladang dalam aspek pemasaran kerana sedar mereka perlu bersaing setiap kali tiba banya musim buah berkenaan susulan mempunyai potensi untuk meningkatkan pendapatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Lawatan Ladang bersama peladang dari seluruh negara, agensi pertanian serta pelajar Universiti Pertanian Malaysia di Ladang Mempelam MOA Inc Tobiar, dekat sini, baru-baru ini.

Dalam lawatan berkenaan, semua peserta diberi



ZULKIFLI

peluang untuk melawat kawasan ladang dan melihat sendiri cara pemprosesan makanan berasaskan mempelam.

Sementara itu, peserta dari Perlis yang juga seorang pengusaha ladang mempelam, Aishah Ahmad, 70, berkata, dia menguruskan ladang mempelam seluas 1.5 hektar bersama anak angkatnya sejak 2002 kerana menyedari penanaman buah terbabit mampu memberikan pendapatan lumayan.